

## PEJABAT BENDAHARI

Tel : +606 331 6188/6189 | Faks : +606 331 6115

Emel: pejabatbendahari@utem.edu.my

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid. 5 ( 12 )

Rujukan Tuan (Your Ref) :

✈ Safar 1437 H  
3 Disember 2015

### SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 12/2015

Semua

Ketua Pusat Tanggungjawab

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

#### KENAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) DAN PENGGUNAAN INVOIS CUKAI DALAM URUSAN TERIMAAN DAN PEMBAYARAN DI UTeM

##### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai kenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan penggunaan invois cukai dalam urusan terimaan dan pembayaran di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

##### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pelaksanaan GST di UTeM yang dilaksanakan mulai 1 April 2015 telah memberi impak kepada operasi kewangan harian di Pejabat Bendahari dan Pusat Tanggungjawab (PTj).
- 2.2 Antara inisiatif yang diambil oleh pejabat ini dalam memastikan pelaksanaan GST berjalan dengan lancar di UTeM adalah menguruskan penerimaan permohonan pembayaran (PP) secara berpusat di Unit Pengurusan GST, Pejabat Bendahari.

## **SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 12/2015**

---

- 2.3 Inisiatif ini adalah bertujuan untuk memudahkan unit berkenaan menyemak dengan terperinci invois cukai, kod cukai, vot cukai dan tujuan pembayaran sama ada GST yang dibayar perlu ditanggung atau boleh dituntut semula oleh Universiti.
- 2.4 Walau bagaimanapun, semua urusan pembayaran kepada pihak ketiga termasuk semakan dokumen sokongan PP masih diuruskan oleh Unit Pembayaran pejabat ini.
- 2.5 Hasil semakan ke atas permohonan pembayaran yang diterima dan maklum balas daripada PTj mendapati terdapat beberapa PTj yang kurang memahami kenaan GST dan penggunaan invois cukai dalam urusan teriman dan pembayaran.

### **3.0 KENAAN GST DAN PENGGUNAAN INVOIS CUKAI DALAM URUSAN TERIMAAN**

- 3.1 Semua caj yuran penyertaan program anjuran PTj seperti seminar/kursus/ bengkel/persidangan perlu mengambil kira caj GST 6% sama ada termasuk GST (*inclusive*) atau tidak termasuk GST (*exclusive*) dalam sebut harga berbentuk rasmi, surat atau brosur yang dikeluarkan kepada pihak luar.
- 3.2 Contohnya jika yuran penyertaan persidangan anjuran PTj yang diluluskan oleh pihak berkuasa Universiti adalah berjumlah RM900.00, PTj perlu mengambil kira caj GST 6% daripada caj yuran yang dikenakan iaitu sebanyak RM54.00 dan jumlah keseluruhan caj yang dikenakan kepada pihak luar adalah berjumlah RM954.00.
- 3.3 Jika PTj tidak memasukkan caj GST 6% dalam sebut harga yang dikeluarkan, pejabat ini beranggapan caj yuran penyertaan adalah termasuk GST 6%.
- 3.4 Manakala kadar penyewaan ruang dan kemudahan Universiti seperti yang digariskan dalam **para 8.7 Pekeliling Bendahari Bil. 4/2015** berkaitan penetapan kadar penyewaan ruang UTeM adalah **tertakluk kepada GST**.

## **SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 12/2015**

---

- 3.5 Ini bermakna PTj perlu memasukkan kadar penyewaan dicampur caj GST 6% dalam sebut harga berbentuk rasmi, surat atau brosur kepada pihak luar.
- 3.6 Seperti syarikat atau organisasi lain yang berdaftar GST, UTeM juga wajib mengeluarkan invois cukai atas pembekalan bercukai yang dibuat.
- 3.7 Ini adalah selaras dengan seksyen 33 Akta CBP 2014 yang menyatakan tiap-tiap orang berdaftar yang membuat pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan hendaklah mengeluarkan invois cukai yang mengandungi butiran yang ditetapkan berkenaan pembekalan itu.
- 3.8 Jika terdapat pertambahan atau pengurangan ke atas amaun pembekalan bercukai yang dibuat, PTj boleh memohon pengeluaran Nota Debit atau Nota Kredit selaras dengan Seksyen 35 Akta CBP 2014 yang menyatakan mengenai pengeluaran dan penerimaan nota debit dan nota kredit.
- 3.9 Semua permohonan pengeluaran invois cukai termasuk nota debit dan nota kredit perlu melalui Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB) dan dihantar terus ke Unit Kewangan dan Terimaan, Pejabat Bendahari.
- 3.10 Ini adalah selaras dengan **Pekeliling Bendahari Bil. 1/2006** dan **Surat Pekeliling Bendahari Bil. 5/2011** yang menyatakan semua bil tuntutan (invois) kepada pihak luar adalah dipusatkan di Pejabat Bendahari dan pengurusan bil tuntutan adalah melalui Modul Akaun Penghutang SMKB serta peraturan ini masih berkuatkuasa sehingga kini.
- 3.11 Selain itu, ada antara sebahagian yuran pelajar UTeM dikecualikan GST dan dikenakan GST.
- 3.12 Kenaan GST ke atas yuran pelajar UTeM bagi kursus prasiswazah dan pascasiswazah dinyatakan dalam Jadual 1 berikut:

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 12/2015**

Jadual 1: Kenaan GST ke atas yuran pelajar UTeM

Bil.	Kategori	Caj GST
1	Yuran Pengajian Pelajar-Kursus yang mendapat Akreditasi daripada <i>Malaysian Qualifications Agency</i> (MQA)	Dikecualikan
2	Yuran MUET	Dikecualikan
3	Yuran Viva/Tesis	Dikecualikan
4	Yuran Pengajian Pelajar-Kursus yang tidak mendapat Akreditasi daripada MQA	6%
5	Yuran Konvokesyen	6%
6	Yuran Alumni	6%
7	Yuran Proses Permohonan Pelajar	6%

3.13 Walaupun caj GST dikenakan ke atas sebahagian yuran yang dinyatakan dalam Jadual 1 di atas, pada masa kini, caj yuran-yuran berkenaan masih kekal (tiada kenaikan caj yuran) dan Universiti akan menanggung caj GST yang dikenakan kepada pelajar.

3.14 Pengeluaran invois cukai bagi kesemua yuran pelajar di atas kecuali yuran MUET dan yuran proses permohonan pelajar dibuat secara atas talian yang mana dimuat naik ke dalam portal Sistem Maklumat Pelajar (SMP) dan Sistem Maklumat Pasca Siswazah (SMPS).

3.15 Contoh format invois cukai UTeM bagi terimaan kewangan dan pelajar adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**.

#### **4.0 KENAAN GST DAN PENGGUNAAN INVOIS CUKAI DALAM URUSAN PEMBAYARAN**

4.1 Secara umumnya, syarikat yang berdaftar GST perlu mengenakan GST sama ada termasuk GST (*inclusive*) atau tidak termasuk GST (*exclusive*) kepada UTeM atas apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat mulai 1 April 2015.

## **SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 12/2015**

---

- 4.2 Walau bagaimanapun, jika **barang** yang dibekalkan bertujuan untuk kegunaan Pengajaran & Pembelajaran (P&P), PTj boleh mengeluarkan sijil pelepasan GST yang ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa menandatangani Surat Setuju Terima (SST) atau Pesanan Tempatan (PT) berdasarkan Butiran 4, Jadual Pertama Perintah CBP (Pelepasan) 2014 seperti contoh di **Lampiran 3**.
- 4.3 Ini bermakna syarikat tidak boleh mengenakan GST kepada UTeM untuk pembekalan barang P&P dan syarikat perlu mengeluarkan invois cukai tanpa GST.
- 4.4 Bagi kenaaan GST ke atas kontrak kerja yang melibatkan bayaran interim, syarikat perlu mengeluarkan invois cukai berserta kenaaan GST mengikut amaun yang dinyatakan dalam setiap perakuan bayaran interim.
- 4.5 Semua syarikat berdaftar GST **wajib** mengeluarkan invois cukai **bercetak** bagi tujuan pembayaran kepada UTeM mengikut kriteria yang ditetapkan oleh JKDM seperti paparan nombor pendaftaran GST, perkataan GST 6%, amaun GST 6% dan kriteria-kriteria lain (**rujuk Lampiran 4**).
- 4.6 Invois cukai bercetak adalah merujuk kepada:
- 4.6.1 invois cukai (bukan tulisan tangan) yang dikeluarkan melalui sistem jualan runcit (*point-of-sale system*)/ perisian perakaunan tertentu oleh syarikat yang terdiri daripada kategori perniagaan berikut (**rujuk Lampiran 5**):
- i) Kedai *Hardware*
  - ii) Restoran termasuk kedai kopi
  - iii) Pasar Raya Mini, Kedai Runcit dan Kedai Barangan Serbaneka
  - iv) Kedai Buku
  - v) Farmasi
  - vi) Tempat-tempat Hiburan

## **SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 12/2015**

---

- 4.6.2 inoivis cukai yang dikeluarkan oleh syarikat selain daripada kategori perniagaan yang dinyatakan dalam para 4.6.1 sama ada melalui sistem jualan runcit/ perisian perakaunan, *computer-generated* atau inoivis cukai pracetak (*pre-printed tax invoices*) (rujuk Lampiran 6 & 7).
- 4.7 PTj adalah diingatkan supaya memastikan semua inoivis cukai yang diterima daripada pembekal mematuhi kriteria yang ditetapkan dalam para 4.6.1 dan 4.6.2.
- 4.8 Pejabat ini tidak akan memproses permohonan pembayaran jika syarikat berdaftar GST gagal mengemukakan inoivis cukai bercetak.
- 4.9 Bagi syarikat yang tidak berdaftar GST tidak dibenarkan mengeluarkan inoivis cukai sebaliknya syarikat perlu mengeluarkan inoivis biasa sahaja.
- 4.10 Jika terdapat pelarasan pertambahan atau pengurangan ke atas amaun bayaran, PTj hendaklah memastikan syarikat mengeluarkan Nota Debit atau Nota Kredit (rujuk Seksyen 35, Akta CBP 2014).

### **5.0 TARIKH KUAT KUASA**

- 5.1 Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, والسلام

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar,



(KHAIRUL BIN TAIB)

Bendahari

Pejabat Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MSR/UPG/SPB 2015

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 12/2015**

---

s.k. **YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib**

Naib Canselor

**YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad**

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**YBhg. Prof. Madya Dr. Izaidin bin Abdul Majid**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

LAMPIRAN 1

CONTOH INVOIS CUKAI TERIMAAN KEWANGAN



**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**  
 Hang Tuah Jaya, 78100 Durian Tunggal,  
 Melaka, Malaysia.  
 Tel: 06-331 8854/6110/6109 Faks: 06-331 6296  
 E-mel: pejabatbendahari@utem.edu.my  
 No. Pendaftaran GST: 001910734848

**INVOIS CUKAI**

**Kepada :**

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)

No. Invois Cukai : **K0002371015**

JABATAN PENDAFTAR KAMPUS KEJURUTERAAN  
 UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)  
 14300 NIBONG TEBAL  
 PULAU PINANG

Tarikh : **28/10/2015**

No. Rujukan :

Bil	Perkara	Kod Cukai	Kuanti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	SCMSM 2015 - PAPER : 41P	SR	1.00	900.00	900.00
<b>CONTOH</b>					
Butiran akaun Bendahari Universiti Teknikal Malaysia Melaka BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD Akaun No. 04042010000833  Bayaran boleh dibuat melalui 'financial payment exchange (FPX)' dengan melayan laman web rasmi UTeM ( <a href="http://www.utem.edu.my">http://www.utem.edu.my</a> )					
Jumlah Tanpa GST					<b>849.06</b>
Jumlah GST					<b>50.94</b>
Jumlah Keseluruhan					<b>900.00</b>

Tandatangan

Nama

Jawatan

Sila catatkan No. Invois Cukai sebagai mengemukakan bayaran

Sila buat pembayaran dalam masa 30 hari dari tarikh di ini dikeluarkan

**Nota :**

SR - GST @ 6%

LAMPIRAN 2

CONTOH INVOIS CUKAI TERIMAAN PELAJAR



**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**  
 HANG TUAH JAYA, 78100 DURIAN TUNGGAL,  
 MELAKA, MALAYSIA  
 TEL : 06-331 6120/6117/6118 FAKS : 06-3316296  
 E-mel : [pejabatbendahari@utem.edu.my](mailto:pejabatbendahari@utem.edu.my)  
 No.Pendaftaran GST : 001910734848

INVOIS CUKAI

Kepada :

MOHAMAD ARIFFIN BIN MUTALIB  
 (M021210014)  
 NO 17, LRG 8/3, JLN SAWI YAP TAU SAH  
 88000 KLUANG JOHOR

No Invoice Cukai : M0000000515  
 Tarikh : 07/05/2015  
 No. Rujukan : SEM 2-2014/2015

Sl	Perkara	Kod Cukai	Kuantiti	Marga (RM)	Jumlah (RM)
1	Bayaran Album Dan Buku Cendermeta	SR	1	40.00	40.00
2	Bayaran Proses Dan Perkhidmatan Jubah	SR	1	20.00	20.00
3	Bayaran Sijil dan Transkrip	SR	1	30.00	30.00
4	Sewa Jubah Konvokesyen	SR	1	80.00	80.00
Butiran akaun					
Bendahari Universiti Teknikal Malaysia Melaka					
Bank ISLAM MALAYSIA BERHAD					
No.Akaun 04042010000844					
<small>Bayaran boleh dibuat melalui "Financial Payment Exchange (FPX)" dengan melayari laman web rasmi UTeM (<a href="http://www.utem.edu.my">http://www.utem.edu.my</a>)</small>					
<b>Jumlah Tanpa GST</b>					<b>141.51</b>
<b>Jumlah GST</b>					<b>5.49</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>					<b>150.00</b>

CONTOH

**Nota :**  
 SR - GST@6%

**LAMPIRAN 3**

No. Pesanan Tempatan/ No. Rujukan Surat Setuju Terima: PT00000123456

**SIJIL DI BAWAH PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN)  
2014  
CERTIFICATE UNDER THE GOODS AND SERVICES TAX (RELIEF) ORDER 2014**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa barang yang diperihalkan di atas adalah  
*I hereby certify that the goods described above are*

\* diperolehi daripada / acquired from : **ABC Sdn. Bhd.**

**ABC Sdn. Bhd., No. 1 Jalan Bahagia, 50800 Kuala Lumpur**

---

(Nama dan alamat orang atau pertubuhan yang berkenaan dengan pelepasan yang dituntut)  
*(Name and address of the person or the establishment in respect of the relief claimed)*

\* dibekalkan kepada / supplied to : **Universiti Teknikal Malaysia Melaka**

**Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Hang Tuah Jaya, 76100, Durian Tunggal, Melaka**

---

(Nama dan alamat Agensi/Kerajaan Persekutuan yang menerima pembekalan)  
*(Name and address of the recipient)*

dan pelepasan daripada pembayaran cukai barang dan perkhidmatan adalah dituntut di bawah Butiran 4, Jadual Pertama seperti di **Lampiran.**  
*and relief from payment of goods and services tax claimed under Item 4, First Schedule as per **Appendix.***

Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 tertakluk kepada syarat yang dinyatakan di dalamnya.  
*of the Goods and Services Tax (Relief) Order 2014 subject to the conditions therein specified.*

Tandatangan  
*Signature*

\_\_\_\_\_

Nama  
*Name*

Prof. Madya Dr. Senin bin Kamis

No. Kad Pengenalan  
*Identity Card No.*

700101-04-1234

Pangkat  
*Rank*

Pelulus


Tarikh  
*Date*

5 Mei 2015

LAMPIRAN 4

CONTOH INVOIS CUKAI BER CETAK MENGIKUT KRITERIA JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM)

Diagram 3: Full Tax Invoice



LAMPIRAN 5

CONTOH INVOIS CUKAI BER CETAK MELALUI SISTEM JUALAN RUNCIT/ PERISIAN PERAKAUNAN

**INVOIS CUKAI**  
No: TP15/06805


3700000004360815  
**Primabumi Sdn. Bhd.**  
3700000005771015  
No. GST: 00192720445  
3rd Floor, Wisma Prima, 17 Jalan Sri Semantan Satu,  
D'Armenia Heights, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2060 6633 Fax: 03-2093 9116 / 2096 1963  
Email: primabumi\_ga@primagroup.com.my

Kepada:	HARIBULAN	08-JUL-2015
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA	PERIHAL	SEBUTHARGA
HANG TUAH JAYA	PESAMAN TUAN	PT0011120515
76109 DURIAN TUNGGAL	TEMPOH BAYARAN	30 HARI
MELAKA BANDAR BERSEJARAH	MUKASURAT	1 OF 2

No. Details	Quantity	Unit Price	Amount	Tax Code
1 Nexium 20mg Tab Esomeprazole	20 X 14S	46.15	923.02	SR TX
2 Nasonex 50mcg Aqueous Nasal Spray Mometasone Furoate (Mometasone)	50 X 140DS	64.90	3,244.81	SR TX
3 Soliwax Ear Drop Paradichlorobenzene, Chlorbutol	60 X 10ML	4.64	278.49	SR TX
4 Bactigen 0.3% Eye Drop 5ml Gentamicin	120 X 5ML	2.58	309.60	ZRLZK
5 Electral Forte Granules Oral Rehydration Salt	125 X 20'S	6.70	837.50	ZRLZK
6 Fucidin 2% Cream Fusidic Acid	50 X 5GM	4.90	245.00	ZRLZP
7 Fucicort Cream Betamethasone Valerate, Fusidic acid	70 X 5GM	4.90	343.00	ZRLZP
<b>Total</b>			<b>6,181.42</b>	
<b>GST 6%</b>			<b>266.78</b>	

CONTOH

ASAL



E. & O. E.

**PERINGATAN MUSTAHAK**  
Sila buat pembayaran dengan menulis di atas cek seperti berikut:  
**PRIMABUMI SDN. BHD.**  
AKAUN NO: CIMB BANK BERHAD 8000879845  
CAWANGAN LUCKY GARDEN, BANGSAR  
KUALA LUMPUR  
dan cek dihantar terus kepada alamat yang dinyatakan di atas.

bagi pihak **Primabumi Sdn. Bhd.**  
  
Fandatangan Sah

**IS CUKAI**  
 TP15/06805

3700000004360815



**Primabumi Sdn. Bhd.**

No. CCR: 001082728448  
 3rd Floor, Wisma Prima, 17 Jalan Sri Semantan Satu,  
 Damansara Heights, 60490 Kuala Lumpur, Malaysia  
 Tel : 03-2080 6633 Fax : 03-2093 9115 / 2096 1963  
 Email : primabumi\_ac@primagroup.com.my

No. PERNYATAAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA HANG TUAH JAYA 76109 DORIAN TUNGGAL MELAKA BANDAR BERSEJARAH	MARIJULAN 08-JUL-2015 PERHAL SEBUTHARGA PESANAN TUAN PT0011120515 TENPOH BAYARAN 30 HARI MUKASURAT 2 Of 2
---	---

No. Details	Quantity	Unit Price	Amount	Tax Code
DO No PBD248235 PBD248243 PBD248244 PBD248245 PBD248246 PBD248534				

CONTON



ASAL

RINGGIT MALAYSIA  
 SIX THOUSAND FOUR HUNDRED AND FORTY EIGHT AND CENTS  
 TWENTY ONLY

TOTAL 6,448.20

GST Summary	Amount (RM) Exc. GST	GST (RM)	Amount (RM) Inc. GST
S 6%	4,446.32	266.78	4,713.10
Z 0%	1,735.10	0.00	1,735.10

E. & O. E.

**PERINGATAN MUSTAHAK**  
 Sila buat pembayaran dengan menulis di atas cek seperti berikut:  
 PRIMABUMI SDN. BHD.  
 AKAUN NO: CIMB BANK BERHAD 8000879845  
 CAWANGAN LUCKY GARDEN, BANGSAR  
 KUALA LUMPUR  
 dan cek dihantar terus kepada alamat yang dinyatakan di atas.

bagi pihak **Primabumi Sdn. Bhd.**

*[Signature]*  
 Tancatangan Sah

**LAMPIRAN 6**

**INVOIS CUKAI BER CETAK YANG DIKELUARKAN MELALUI *COMPUTER-GENERATED*  
(*MICROSOFT WORD/EXCEL*) OLEH SYARIKAT KONTRAKTOR PEMBERSIHAN**

**SYARIKAT MAJU JAYA SDN. BHD.**

No. 4 Jalan Maju, Taman Anggerik,  
76100, Durian Tunggal Melaka  
Tel: 06-2813844 Faks: 06-2813845  
E-mel: annur@yahoo.com  
No. Pendaftaran GST: 001234567891


**INVOIS CUKAI**

**Kepada:**  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Hang Tuah Jaya,  
76100, Durian Tunggal  
Melaka

**No. Invois Cukai:**AR123456789  
**Tarikh:** 02/10/2015  
**No. Rujukan:**

BIL	PERKARA	KOD CUKAI	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Bayaran Perkhidmatan Pembersihan Bangunan Pejabat pada 29 September 2015	SR	1	12,000.00	12,000.00
<b>CONTOH</b>					
<b>JUMLAH TANPA GST</b>					12,000.00
<b>JUMLAH GST 6%</b>					720.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>					12,720.00

Tandatangan  
Nama Pegawai  
Jawatan

  
AHMAD BIN ALI  
KERANI KEWANGAN

LAMPIRAN 7

INVOIS CUKAI PRACETAK KEDAI KOMPUTER

**CEMERLANG KOMPUTER TRADING** 010815  
 No. 1, Jalan KJ, Taman Krubong Jaya, 75250 Melaka.  
 GST No. 00123456789  
 Tel / Fax: H/P: r


**TAX INVOICE TERIMA**  
 05 AUG 2015

To:  INVOICE No.: 1325  
 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Date: 30/05/2015

ITEMS	PARTICULARS	Quantity	UNIT PRICE	AMOUNT
①	3/4" Pvc FLEXIBLE (RM)	1 coil	12 00	12 00
②	1.0mm x 3 CORE (UMS)	15 meter	2 00	30 00
③	C/ROSE Empty Casings Only	14 pcs	1 50	21 00
④	3 x 12 Pvc Nut Box	2 pcs	3 00	6 00

CONTOH



**DISCLAIMER**

Goods sold are not refundable 貨物出門, 恕不退換

TERIMA DAN DIARIFUKNYA PEMBAYARAN

Tanah Dataran: \_\_\_\_\_  
 Nama: \_\_\_\_\_  
 Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Tax - N43			
TOTAL RM	69 00		
DISCOUNT	-		
GST 6%	4 14		
TOTAL AMOUNT	73 14		

for   
